

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.03.01/10.12/26 Jld 4 (13)

27 Mei 2021  
15 Syawal 1442

## PEKELILING BENDAHARI BIL. 03/2021

### PEMBERHENTIAN TOLAKAN ATAU POTONGAN YURAN UNIVERSITI DARI BAYARAN PINJAMAN PTPTN PELAJAR

Adalah dimaklumkan, kepada pelajar peminjam PTPTN, bahawa Universiti akan memberhentikan tolakan atau potongan yuran universiti dari bayaran pinjaman PTPTN semester **bermula semester 1, 2021/2022 (Oktober 2021)**.

2. Dengan pemberhentian tolakan atau potongan yuran universiti ini, **pelajar peminjam PTPTN adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan sendiri yuran kepada Universiti.**

3. Bayaran yuran universiti hendaklah dibuat melalui portal MyUTM atau Aplikasi UTMSmart. Sekiranya mana-mana pelajar gagal, cuai atau abai membuat bayaran yuran atau hutang-hutang lain kepada pihak Universiti, tindakan dan sekatan akan dikenakan ke atas pelajar seperti mana Pekeliling Bendahari Bil. 01/2021 iaitu Kaedah UTM (Kewangan Pelajar).

4. Sehubungan itu, semua pelajar hendaklah mengambil maklum berkaitan perkara ini. Sebarang pertanyaan lanjut, mohon emel ke [bendahari-ukp@utm.my](mailto:bendahari-ukp@utm.my)

Sekian, harap maklum.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah



**(ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH @ AHMAD)**

Bendahari

Universiti Teknologi Malaysia

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Pro- Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan – UTM Pagoh
  - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah